



PERNYATAAN POLISI INTEGRITI DAN ANTI RASUAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mensasarkan “zero tolerance towards corruption” di dalam penyampaian perkhidmatan kebombaian dan penyelamatan kepada masyarakat. Bagi merealisasikan polisi ini, JBPM memberikan penekanan kepada enam (6) perkara berikut:

- 1 Memastikan semua warga jabatan memahami dan mematuhi undang-undang, peraturan, pekeliling atau arahan berkaitan integriti dan akauntabiliti yang berkuatkuasa termasuklah Akta SPRM 2009.
- 2 Menerapkan elemen antirasuah dalam penggubalan polisi jabatan bagi meningkatkan kawalan dalaman terhadap kelemahan governans.
- 3 Menambahbaik sistem dan prosedur kerja bagi mengelakkan dan mencegah risiko atau potensi rasuah, amalan rasuah dan penyalahgunaan kuasa serta jawatan.
- 4 Unit Integriti melaksanakan tugas dan tanggungjawab berdasarkan bidang kuasa dan bebas dari sebarang pengaruh.
- 5 Membudayakan integriti dan akauntabiliti dalam pengurusan penyampaian perkhidmatan kebombaian dan penyelamatan.
- 6 Mengambil tindakan punitif terhadap pelanggaran tatakelakuan dan melaksanakan usaha pemulihan secara berterusan.

JBPM sentiasa komited untuk menambahbaik keperluan-keperluan di bawah Polisi Anti-Rasuah dan Akta SPRM 2009. Pelanggaran kepada polisi ini boleh membawa kepada tindakan tatatertib kepada mereka yang terlibat.

.....
DATO' SRI ABDUL WAHAB BIN HJ. MAT YASIN
KETUA PENGARAH
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)

Tarikh: 26 OKTOBER 2023